



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

9 OKTOBER 2025 (KHAMIS)

Portal Telur Bebas Sangkar Peningkat Kualiti, Nilai Tambah Industri Penternakan Negara

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo! Online	Ekonomi	Online	7 Okt



Saravanakumar S. Pillai (kiri) hadir pada majlis Malaysia Cage-Free Corporate Implementation Progress Forum and Industry Leadership Awards 2025 baru-baru ini.

PETALING JAYA – Malaysia melakar satu lagi pencapaian strategik dalam transformasi industri penternakan ayam di negara ini melalui pelancaran portal status pelaksanaan penggunaan telur bebas sangkar untuk syarikat korporat yang bertujuan untuk menghasilkan telur yang lebih mampan seiring dengan trend semasa ke arah sektor yang lebih hijau.

Inisiatif itu turut diperkukuh dengan pengenalan Garis Panduan Pemeliharaan Anak Ayam dan Ayam Penelur Bebas Sangkar Malaysia serta Panduan Pelaksanaan Peralihan Penggunaan Telur Bebas Sangkar, sekali gus

menandakan keseriusan negara dalam menyediakan rangka kerja peralihan yang komprehensif.

Perunding Kanan Dasar dan Penglibatan (Kebajikan Haiwan Ternakan), Humane World for Animals, Dr. Saravanakumar S. Pillai berkata, inisiatif bersepadu ini dilihat sebagai satu catatan bersejarah di negara ini kerana ia dapat menyatukan prinsip ketelusan dengan panduan praktikal.

“Pelancaran berganda ini membuktikan bahawa pengeluaran telur bebas sangkar di Malaysia bukan

lagi sekadar aspirasi moral, tetapi suatu agenda yang boleh dilaksanakan, diukur dan bersifat inklusif kepada semua pihak dalam rantai nilai.

“Pelancaran portal dan dokumen panduan ini juga menegaskan komitmen Malaysia untuk memacu industri ternakan ke arah model yang lebih lestari, berdaya saing dan selari dengan prinsip kemanusiaan sejagat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis Malaysia Cage-Free Corporate Implementation Progress Forum and Industry Leadership Awards 2025 di sini baru-baru ini.

Selain itu, aktivis sosial dan hak pengguna, Tan Sri Lee Lam Thye menerangkan, pelancaran tersebut dilihat sebagai satu lonjakan penting yang menggabungkan aspek ketelusan, akauntabiliti dan kesiapsiagaan teknikal industri.

“Platform perintis ini menyediakan pemantauan masa nyata terhadap komitmen korporat menggunakan telur bebas sangkar, termasuk status pensijilan serta tahap peralihan. Ia bukan sahaja memudahkan akses pengguna dan pembuat

dasar, tetapi juga mendorong pihak industri agar lebih bertanggungjawab,” ujarnya.

Lam Thye turut menegaskan, portal tersebut telah dibangunkan oleh Pertubuhan Pengeluar Telur Bebas Sangkar Malaysia (PPTBSM) yang mana ia berfungsi lebih daripada sekadar sistem pelaporan.

Tambah beliau, portal ini juga adalah instrumen ketelusan korporat yang mendedahkan kedudukan sebenar, menghargai kemajuan dan mendesak mereka yang ketinggalan agar mempercepatkan usaha peralihan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Norazman Ayob menerangkan, garis panduan yang diperkenalkan penting untuk menyediakan pelan hala tuju berstruktur, agar pengeluar mampu beralih daripada sistem sangkar tanpa menjejaskan produktiviti serta standard kebajikan haiwan.

“Ia merangkumi aspek pengurusan ayam dara, penanda aras kebajikan ayam penelur, reka bentuk ladang, biosekuriti dan persiapan pensijilan.

“Panduan ini bersifat

praktikal dan boleh diikuti oleh petani pelbagai skala bagi memastikan kejayaan peralihan,” katanya.

Beliau memberitahu, usaha Malaysia ini juga berorientasikan pasaran eksport antarabangsa yang semakin menuntut standard kebajikan lebih tinggi, sekaligus memastikan daya saing pengeluar tempatan dalam ekosistem global. - [KOSMO! ONLINE](#)

Siapa Punya Lembu, Kambing Ni?

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	8 Okt



Kakitangan MDGM dalam op haiwan rayau. FOTO Paya Linda Yahya

Gua Musang: Sengaja biarkan haiwan ternakan merayau di jalan raya hingga menjadi menyebabkan berlaku kemalangan.

Tindakan tidak bertanggungjawab pemilik haiwan ternakan itu akhirnya mengundang padah apabila Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) menangkap 19 ekor haiwan rayau di beberapa jalan utama di daerah ini.

Daripada bilangan itu, sebanyak 15 lembu dan empat kambing berjaya ditangkap hasil operasi Op Haiwan Rayau.

Yang Dipertua MDGM, Mohd Roshdi Ismail berkata, pihaknya mengambil serius isu haiwan ternakan yang berkeliaran di kawasan jalan utama di daerah ini yang boleh menyebabkan berlaku kemalangan kepada pengguna jalan raya.

Katanya, operasi menangkap haiwan rayau ini akan dipertingkatkan dengan bantuan beberapa agensi.

"Pelbagai usaha sudah kami lakukan termasuk membuat hebahan di surau atau masjid supaya penternak tidak membiarkan haiwan

ternakan mereka berkeliaran di jalan raya terutama jalan utama.

"Sehingga September ini, sebanyak 19 haiwan rayau berjaya ditangkap. Setiap operasi yang kami jalankan turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Veterinar dan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis (IPD) Gua Musang.

"Antara kawasan 'hotspot' yang difokuskan dalam operasi MDGM adalah sekitar Jalan Gua Musang ke Kuala Krai, Felda Chiku 3 dan Jalan Felda Chiku 5 ke Felda Chiku 7," katanya.-[MYMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR